mStar

Urban·Versatil

12 Oct 2023

“Kakak nampak opah! Muka opah hitam!” Cucu meracau lepas waktu Maghrib. Bapa tersuluh kelibat perempuan tua di belakang rumah

Kanak-kanak merupakan golongan yang lemah dan mudah diganggu entiti mistik.

Selepas ibu meninggal dunia kira-kira dua tahun lalu, rumah arwah di Temerloh, Pahang, terbiar tanpa dihuni sesiapa?

Atas nasihat ahli keluarga yang lain, Johan membawa anak-anak dan isterinya pulang menziarahi rumah pusaka arwah ibunya itu pada cuti persekolahan *August* lalu.

Mengikut rancangan asal, Johan mahu menginap di sana selama empat hari bagi membersihkan segala semak-samun namun, mereka hanya mampu bertahan satu malam sahaja.

Ketika senja mulai berlabuh pada hari pertama mereka di sana, Johan bersama anak-anak dan isteri memilih untuk berehat dan, hanya akan memulakan pembersihan pada hari esoknya.

Kelibat wanita tua biasanya dikaitkan dengan Hantu Nenek Kebayan.

Secara tiba-tiba, mereka terdengar bunyi ayam yang berkokok tidak henti-henti seperti diganggu oleh sesuatu.

“Eh! Sejak bila pulak ada ayam? Bukan kē semua ayam tu dah disembelih selepas arwah mak abang meninggal?”

tanya Marlia kepada suaminya yang sedang berehat di atas sofa.

Anak-anak mereka iaitu Marini, Fikri dan, Fathul mula berpandangan antara satu sama lain dan berpelukan sesama sendiri.

“Mungkin ayam-ayam jiran kena kejar dengan musang kot.” jawab Johan ringkas kepada isterinya.

Lima minit berlalu namun, bunyi ayam itu masih tidak berhenti, menyebabkan mereka sekeluarga mula tidak sedap hati.

Johan : Johan dah syak lama yang arwah mak bela saka... apabila jadi macam ni baru Johan percaya.

Johan terus bangun mengambil lampu suluh dan, memberanikan diri untuk membuka pintu dapur.

Meskipun yang lain mula ketakutan, anak perempuan sulung Johan iaitu, Marini yang berusia lapan tahun, terus mengekorinya ke pintu dapur.

Johan terus menghalakan lampu suluh ke arah hutan dan semak-samun di belakang rumah pusaka itu, sebelum dia tiba-tiba dikejutkan dengan kelibat wanita tua berbadan bongkok.

Johan hanya mendiamkan diri namun, wanita tua itu terus berpaling menyebabkan Marini yang berada dengannya terus menjerit dan berlari masuk ke ruang tamu.

Johan tergamam seketika kerana wajah wanita tua itu sangat mirip dengan arwah ibunya dan, ketika dia cuba menyuluh sekali lagi, kelibat berkenaan terus hilang daripada pandangan.

“Kakak nampak opah! Kakak nampak opah! Kenapa muka opah hitam terbakar?” laung Si Marini sambil memeluk ibunya.

Johan terus menutup pintu dapur dan, berlari untuk menenangkan anak sulungnya selepas melihat kelibat misteri itu.

Marini terus meracau, badannya juga mula bertukar panas seperti budak yang sedang demam.

Selepas didesak oleh isterinya, Johan melaungkan azan di setiap penjuru rumah dan, 10 minit kemudian anaknya juga mula berhenti meracau.

Mereka sekeluarga tidur dalam keadaan tidak tenang pada malam itu dan, bacaan *al-Qurán* juga dibiarkan terpasang daripada telefon bimbit.

Keesokan harinya, mereka sekeluarga terus berangkat pulang ke Kuala Lumpur dan, membatalkan hasrat untuk membersihkan rumah pusaka itu.

Kanak-kanak terdedah kepada gangguan jin dan syaitan.

Seminggu kemudian, Johan berjumpa dengan bapa saudaranya iaitu, abang kepada arwah ibunya yang menetap di Nilai, Negeri Sembilan.

Selepas menceritakan apa yang berlaku? Bapa saudaranya memaklumkan kepada Johan bahawa, arwah ibunya memang membela saka yang diturunkan daripada arwah moyang mereka.

“Johan dah syak lama yang arwah mak bela saka, tapi arwah tak pernah cerita. Apabila jadi macam ni, baru Johan percaya.” ujar pemuda itu kepada bapa saudaranya.

Dalam pertemuan itu, Johan turut berbincang untuk mengajak saudara-mara yang lain pulang semula ke rumah pusaka itu untuk mengadakan kenduri tahlil serta memanggil ustaz untuk membuang saka yang masih ada.

- mStar